

22 JUL 2001

Nik Aziz-Cabaran

PAS TIDAK PERLU PERINCIKAN WAWASAN NEGARA ISLAMNYA, KATA NIK AZIZ

GUA MUSANG, 22 Julai (Bernama) -- PAS tidak perlu memperincikan secara bertulis bentuk negara Islam yang ingin dilaksanakan parti itu kepada semua rakyat berbilang kaum di negara ini seperti yang diminta oleh Perdana Menteri, kata Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Nik Aziz berkata, rakyat negara ini boleh melihat keberkesanan dan kejayaan PAS memerintah Kelantan dan Terengganu hingga membolehkan penduduk kedua-dua negeri itu mendapat "faedah dan kesejahteraan dunia dan akhirat".

"Dasar pemerintahan Islam di Kelantan dan Terengganu yang mengajak rakyat menjauhi kegiatan bertentangan ajaran Islam diterima baik oleh semua pihak," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis pertemuan dengan penduduk Orang Asli di Rancangan Penempatan Semula Kuala Betis, kira-kira 40 km dari sini.

Beliau berkata kerajaan PAS Kelantan sejak memerintah pada 1990 telah menutup segala pusat perjudian dan mengharamkan kegiatan yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Dr Mahathir semalam mencabar PAS supaya menerangkan dengan terperinci dasar negara Islam parti itu dalam bentuk tulisan supaya semua kaum di negara ini dan bukan orang Melayu sahaja yang dapat menilainya.

Mengenai keputusan pilihanraya kecil Likas semalam, Nik Aziz berkata Barisan Nasional (BN) berjaya mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Likas melalui pelbagai amalan tidak demokrasi serta dicemari dengan pelbagai halangan terhadap parti pembangkang.

Beliau berkata berdasarkan kepada gerakan kempen secara besar-besaran oleh BN, PAS telah menduga lebih awal bahawa calon BN akan memperolehi kemenangan besar pada pilihanraya kecil itu.

Kemenangan ini "tidak gentleman" kerana BN menggunakan pelbagai kuasa yang menyalahi kebebasan demokrasi,

Menurut beliau, pembangkang juga menghadapi pelbagai sekatan dan hanya bergantung kepada ceramah umum untuk berkempen kepada penduduk kawasan Dewan Undangan Negeri itu setelah media massa tidak memberikan sebarang liputan kepada pembangkang.

"Pembangkang banyak dihalang untuk bersuara bagi menjelaskan perkara sebenar kepada rakyat. Jadi kita hanya harapkan akhbar rasmi PAS (Harakah) ...itupun disekat pengeluarannya," katanya.

Pada pilihan raya kecil semalam, calon BN Datuk Yong Teck Lee menang dengan majoriti 7,541 undi menewaskan pencabarnya dari Parti Bersatu Sabah, Dr Chong Eng Leong yang mendapat 2,217 undi selain calon Parti Keadilan Nasional Liew Chin Jin @ Christina Liew (1,724 undi) dan calon bebas, Joshua Kong Yun Chee (50 undi).

-- BERNAMA

RAR PR